Kertas Model UASA SJK (C)

教育出版社

# UASA
# 模拟测评

## 国文 Bahasa Melayu

Feng

5 set Kertas Model UASA

Berpandukan
Modul Perealisasian Item
**UASA & JSU**



**5 年级**

KSSR Semakan ... Ng Jia Wei, Normahyati Abdullah

CamScanner
LIVEWORKSHEETS

| Aras kesukaran dan nisbah | Rendah (R) 5 | Sederhana (S) 3 | Tinggi (T) 2 |
|---|---|---|---|
| Jumlah markah Bahagian A, B, C dan D | 50 | | |



# Kertas Model UASA 1

/50

1 jam 15 minit

## Bahagian A
[10 *markah*]

**Soalan 1 dan 2**
*Isi tempat kosong dengan jawapan yang* **paling sesuai.**

1 Ayah Faris telah menceburi bidang __________ sejak tamat bangku sekolah.
- A peniaga
- B berniaga
- C meniaga
- D perniagaan

Kata Berimbuhan R

2 Cikgu Zainun akan bersara pada akhir tahun ini. __________ telah berkhidmat di SJK(C) Serdang selama 25 tahun.
- A Dia
- B Kamu
- C Beliau
- D Kalian

Kata Ganti Nama R

**Soalan 3**
*Pilih ayat yang* **betul**.

3
- A Bermain permainan video tidak baik ialah kesihatan mata.
- B Lelaki yang menyanyi di atas pentas itu adalah abang saya.
- C Sekolah kami ialah tempat yang bersih dan selesa untuk belajar.
- D Gotong-royong adalah aktiviti membersihkan kawasan sekolah supaya ceria.

Ayat Susunan Biasa S


© EPH Publishing (M) Sdn. Bhd.
LIVEWORKSHEETS

Soalan 4 hingga 6

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Aina membantu ibu membuat kek cawan di rumah. Ibu sering menerima tempahan kek daripada jiran-jiran dan rakan-rakan sekerjanya. Aina berminat untuk belajar menghias kek supaya kelihatan lebih menarik. Ibu mengajar Aina cara-cara menggunakan krim dan hiasan coklat dengan kemas.

Pada hujung minggu, mereka bersama-sama menghantar tempahan kepada pelanggan. Aina berasa seronok kerana dapat membantu ibunya. Dia juga boleh menggunakan kemahiran membuat kek untuk menjana pendapatan keluarga.

4 Aina dan ibu menerima tempahan kek daripada siapa?

A Rakan sekelas Aina
B Guru dan murid di sekolah
C Saudara-mara yang tinggal jauh
D Jiran-jiran dan rakan-rakan sekerja ibu

Pemahaman – Petikan | R

5 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.

A Aina menjual kek cawan kepada kawan-kawannya di sekolah.
B Ibu Aina menghantar kek kepada pelanggan dengan bantuan jiran.
C Ibu Aina tidak menerima sebarang tempahan kek daripada pelanggan.
D Aina memberikan bantuan kepada ibu untuk membuat kek cawan di rumah.

Pemahaman – Petikan | S

6 Yang berikut ialah cara Aina membantu ibu menjana pendapatan berdasarkan petikan **kecuali**

A menghias kek dengan cantik.
B menghantar tempahan pelanggan.
C membantu memasak nasi di dapur.
D belajar cara-cara menggunakan krim kek.

Pemahaman – Petikan | T

© EPH Publishing (M) Sdn. Bhd.


LIVEWORKSHEETS
CamScanner

Soalan 7 hingga 10

*Baca maklumat dalam* **Bahan 1** *dan* **Bahan 2** *dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Bahan 1

**Program Semarak Perpaduan**

- **Tarikh** : 8 Ogos 2026 (Sabtu)
- **Masa** : 8:00 pagi – 11:30 pagi
- **Tempat:** Dewan Terbuka SJK(C) Hua Min

**Objektif program:**

- Memupuk semangat perpaduan dalam kalangan murid
- Menggalakkan murid *bekerjasama* tanpa mengira kaum
- Menanam nilai saling menghormati dan bertolak ansur

Bahan 2

SJK(C) Hua Min telah menganjurkan Program Semarak Perpaduan pada minggu lepas. Program ini bertujuan untuk memupuk semangat muhibah dan kerjasama dalam kalangan murid pelbagai kaum.

Cikgu Ahmad menyampaikan ceramah tentang kepentingan bersatu hati dan saling menghormati. Selepas itu, Cikgu Tan dan Cikgu Kumar mengendalikan aktiviti melukis mural perpaduan yang melibatkan semua murid.

Murid-murid *bekerjasama* melukis mural yang menggambarkan keharmonian dan semangat kebersamaan. Aktiviti ini menjadikan suasana sekolah lebih ceria dan berwarna-warni.


© EPH Publishing (M) Sdn. Bhd.
LIVEWORKSHEETS
CamScanner

7 Apakah objektif utama Program Semarak Perpaduan diadakan?

A Untuk melatih murid menjadi penceramah sekolah

B Untuk mengajar murid melukis gambar pemandangan

C Untuk mengadakan pertandingan nyanyian lagu rakyat

D Untuk memupuk semangat perpaduan dalam kalangan murid

Pemahaman – Pelbagai Bahan | R

8 Aktiviti ini menjadikan suasana <u>sekolah</u> lebih ceria dan berwarna-warni.

**Penjodoh bilangan** yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah

A biji.

B buah.

C ketul.

D bentuk.

Penjodoh Bilangan | R

9 Perkataan *bekerjasama* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan

A bersaing. 竞争

B bergaduh. 吵架

C bermalas-malas.

D bergotong-royong.

Pemahaman – Pelbagai Bahan | S

10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2**.

A Program diadakan pada waktu petang di dewan sekolah.

B Murid-murid melukis mural tentang pemandangan alam semula jadi.

C Aktiviti melukis mural dikendalikan oleh Cikgu Ahmad dan Cikgu Kumar.

D Program ini dapat menggalakkan murid bekerjasama tanpa mengira kaum.

Pemahaman – Pelbagai Bahan | T

CamScanner
LIVEWORKSHEETS

## Bahagian B

[10 *markah*]

**Soalan 1**

*Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

> Pada pagi itu, Amir membantu ayahnya membersihkan halaman rumah.
>
> "Ayah, mengapakah kita perlu menyapu dedaun kering setiap hari?" tanya Amir sambil memegang penyapu.
>
> "Kita perlu menyapu dedaun kering untuk memastikan halaman rumah sentiasa bersih supaya keluarga dan saudara-mara yang berziarah ke rumah kita berasa selesa," jawab ayah dengan senyuman.
>
> "Kamu anak yang rajin dan bertanggungjawab. Ayah bangga akan kamu," ujar ayah dengan penuh kasih sayang.
>
> Amir berasa sangat gembira kerana dapat membantu keluarganya pada pagi itu.

(a) Amir membantu ayahnya membersihkan halaman rumah pada waktu ____________.

Tatabahasa Bersepadu dan Pemahaman – Karya Bukan Sastera | R | [1 *markah*]

(b) Mengapakah ayah Amir mahu halaman rumah sentiasa bersih?

______________________________________________

______________________________________________

Tatabahasa Bersepadu dan Pemahaman – Karya Bukan Sastera | R | [2 *markah*]

(c) *Gariskan* **satu kata adjektif** *yang terdapat dalam ayat yang diberikan.*

> Amir berasa sangat gembira kerana dapat membantu keluarganya pada pagi itu.

Tatabahasa Bersepadu dan Pemahaman – Karya Bukan Sastera | S | [1 *markah*]

(d) *Pilih dan tulis* (**BETUL**) *bagi ayat yang* **sama maksud** *dengan ayat yang diberikan.*

"Kamu anak yang rajin dan bertanggungjawab. Ayah bangga akan kamu," ujar ayah dengan penuh kasih sayang.

| | |
|---|---|
| Ayah menyatakan dengan penuh kasih sayang bahawa dia bangga akan Amir kerana Amir seorang anak yang rajin dan bertanggungjawab. | |
| Amir menyatakan berasa bangga kerana mempunyai ayah dengan penuh kasih sayang yang rajin serta bertanggungjawab. | |

Tatabahasa Bersepadu dan Pemahaman – Karya Bukan Sastera | T | [1 *markah*]



© EPH Publishing (M) Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS

**Soalan 2**

*Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut. Panjangnya jawapan kamu hendaklah* **tidak lebih daripada 30 patah perkataan**.

Kamu ingin menyertai aktiviti berbasikal bersama rakan-rakan ke hutan simpan untuk memupuk kesedaran menjaga alam sekitar. Namun begitu, ibu bapa kamu merancang untuk mengajak kamu pergi ke pusat beli-belah pada hari yang sama.

Apakah pilihan kamu? Nyatakan alasan kamu membuat pilihan tersebut.

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

Penyelesaian Masalah – Pertimbangan dan Keputusan / Rumusan | R / S / T | [5 *markah*]

## Bahagian C

[10 *markah*]

*Grafik di bawah menunjukkan tentang murid berintegriti. Tulis pendapat kamu tentang* **cara-cara menjadi murid berintegriti**. *Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam* **satu perenggan**. *Panjangnya jawapan kamu hendaklah* **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**.




______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

Penulisan Perenggan – Pendapat | R / S / T | [10 *markah*]




LIVEWORKSHEETS

## Bahagian D

[20 *markah*]

*Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian, tulis sebuah karangan dalam bentuk* **karangan berformat atau karangan tidak berformat.** *Panjangnya karangan kamu hendaklah* **antara 50 hingga 80 patah perkataan.**

**Aktiviti Hujung Minggu di Tepi Pantai**



1 Tulis sebuah cerita berdasarkan bahan grafik.

ATAU

2 Tulis sepucuk surat kepada rakan kamu berdasarkan bahan grafik.



© EPH Publishing (M) Sdn. Bhd.

LIVEWORKSHEETS
CamScanner